

Peguan jawab menteri: K'jaan ada kuasa dalam isu hutan Sg Pulai

Malaysiakini

16 Februari 2019

Peguan N Surendran menolak kenyataan menteri yang mengatakan kerajaan terikat dalam isu sebahagian Hutan Simpan Sungai Pulai yang bertukar menjadi Forest City Golf Resort.

Surendran menyifatkan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Xavier Jayakumar sebagai tidak bertanggungjawab apabila mengatakan kerajaan persekutuan tidak dapat berbuat apa-apa.

"Pihak kerajaan persekutuan tidak terikat. Menteri, tolonglah baca perlembagaan.

"Majlis Tanah Negara boleh mengeluarkan arahan yang mengikat Johor. Juga di bawah Akta Warisan Negara, Sungai Pulai boleh diisytiharkan sebagai tapak warisan.

"Kerajaan negeri Johor juga di bawah Pakatan Harapan, bukan BN. Bagaimana kerajaan PH terikat?

"Adalah tidak bertanggungjawab untuk menteri memberitahu orang ramai 'Ia dah selesai'.

"Anda boleh mengeluarkan struktur atau sekurang-kurangnya mengambil langkah mengelakkan kemusnahan dan tiada lagi padang golf yang dibina," katanya.

Hutan Simpan Sungai Pulai, yang menyokong kepelbagaian biologi hutan bakau dan haiwan, telah diwartakan pada tahun 1962.

Pada tahun 2003, ia dikenalpasti sebagai tanah lembap berkepentingan antarabangsa dan diletakkan di dalam Senarai Tanah Lembap Yang Berkepentingan Antarabangsa.

Malaysia adalah penandatangani Konvensyen Ramsar.

Dalam satu laporan khas, Malaysiakini mendedahkan Forest City Golf Resort dibina di kawasan yang merupakan sebahagian daripada hutan simpan.

Xavier berkata kerajaan pusat tidak senang dengan perkembangan itu, tetapi tidak mempunyai sebarang kuasa untuk bertindak di peringkat negeri.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/464317>